

Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2012 / 2013

Sumber: BPK



Proses pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaysia Sabah (MPPUMS) yang berlangsung di Kompleks Dewan Kuliah Pusat 2, Bangunan Akademik Baru berjalan dengan lancar pada 25 September 2012 yang lalu. Seawal proses pembuangan undi dilakukan pada pukul 8.42 pagi, proses pilihanraya kampus berada dalam suasana aman dan harmoni.

Seperti dua tahun sebelumnya, pilihanraya tahun ini dijalankan secara undian atas talian atau e-undi bagi memudahkan proses pengundian dan pengiraan undi di samping dapat menjimatkan masa.

Turut hadir pada proses pengundian adalah Naib Canselor UMS, Prof. Mohd. Harun Abdullah, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Madya Datuk Dr. Hj Kasim Md. Mansur, dan Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd. Said.

Ketika ditanya oleh pemberita tentang isu kemudahan yang dibangkitkan oleh calon-calon pilihanraya, Prof. Harun berkata UMS dalam usaha memperbaiki segala kemudahan yang ada di ketiga-tiga kampus universiti itu.

"Kita dalam proses pembelian bas baru bagi menyelesaikan masalah kekurangan kemudahan pengangkutan untuk pelajar. Selain itu, kita juga sedang memantau dan akan mengambil tindakan berkenaan isu kenaikan harga makanan yang tinggi di kampus utama, Sandakan dan Labuan," katanya kepada pemberita.

Sementara itu, beliau berkata kematangan berpolitik dikalangan para mahasiswa itu dapat dilihat apabila mereka hadir di dewan mengundi dengan keadaan aman dan harmoni tanpa ada sebarang tindakan yang boleh mendatangkan suasana huru-hara di dalam kampus.

Lebih 11000 pelajar keluar mengundi pada pilihanraya kampus tahun ini dan dianggarkan peratusan mengundi tahun ini meningkat dari 62 kepada 73 peratus. Jumlah ini merupakan pencapaian terbaik selama pilihanraya kampus diadakan di UMS. Proses pembuangan undi ditutup pada pukul 5.42 petang.